

12/02/1998

Dua negara sepakat mengenai Iraq-AS

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia dan Republik Yaman sependapat krisis di Asia Barat, khususnya konflik Iraq-Amerika Syarikat yang kian tegang sekarang harus diselesaikan secara aman tanpa menggunakan kekuatan ketenteraan.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah memaklumkan pendirian Malaysia itu dalam perbincangan singkatnya dengan Presiden Yaman, Ali Abdallah Saleh di sini, petang ini.

"Berhubung isu di Asia Barat, Perdana Menteri melaporkan kepada delegasi Yaman beliau gembira mendapati pandangan, pendirian dan dasar Malaysia dan Yaman adalah sama," katanya ketika memberi taklimat kepada pemberita selepas pertemuan dua pemimpin itu.

Ali tiba pagi tadi bersama delegasi 69 orang untuk lawatan rasmi empat hari.

Abdullah berkata, oleh kerana Malaysia dan Yaman adalah anggota Persidangan Negara-Negara Islam (OIC), maka pendirian kedua-dua negara jelas.

Menurutnya, kerjasama lebih erat antara Malaysia dan Yaman harus diwujudkan, terutama ketika memainkan peranan pada forum antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Katanya, Malaysia melihat lokasi Yaman sebagai strategik di Asia Barat kerana negara itu menawarkan kemudahan pelabuhannya di Eden untuk dijadikan pintu masuk bagi mengedarkan barangan buatan Malaysia ke negara Afrika seperti Somalia, Habsyah dan Djibouti.

(END)